

Pendidikan Islam bagi Kanak-Kanak Berkeperluan Khas: Guru sebagai *Murabbi* (Islamic Education for Children with Special Needs: Teacher as *Murabbi*)

Nor Izzati binti Mahd Nor
Jabatan Pengajian Am
Politeknik Seberang Perai
izzati@psp.edu.my

Abstrak

Kanak-kanak berkeperluan khas juga adalah insan yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT untuk memainkan peranan sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Oleh itu, guru-guru Pendidikan Islam memikul tugas dan amanah yang berat dalam mendidik dan membimbing kanak-kanak berkeperluan khas supaya dapat mengenal al-Quran dan melaksanakan ibadat dalam kehidupan seharian. Tujuan penulisan ini adalah untuk menjelaskan peranan guru Pendidikan Islam sebagai *murabbi*. Kajian ini merupakan kajian kualitatif iaitu dengan merujuk kepada bahan-bahan penulisan seperti buku-buku ilmiah, bab dalam buku, dan artikel jurnal yang berkaitan dengan tajuk kajian. Dapatan kajian mendapati guru Pendidikan Islam sebagai *murabbi* memainkan peranan dan tanggungjawab yang besar dalam mendidik pelajar khususnya kanak-kanak berkeperluan khas dan turut memainkan peranan sebagai agen perubahan negara yang membentuk masyarakat. Oleh itu, guru Pendidikan Islam perlu menyiapkan diri dengan penguasaan ilmu dalam semua bidang, pemikiran *rabbani* dan sikap yang terpuji bagi meneruskan perkhidmatan yang cemerlang sebagai *murabbi*.

Kata kunci: Kanak-kanak Berkeperluan Khas, Guru Pendidikan Islam, Murabbi

Abstract

Children with special needs are responsible in playing their role as servant and caliph of Allah. Therefore, Islamic Education teachers are highly accountable in educating and guiding special needs children to be able to know the Quran and perform worship in daily life. The purpose of this study is to explain the roles of Islamic Education teachers as *murabbi*. This is a qualitative research that uses an approach of literature research. The study had found that Islamic Education teachers play a big role to educate their students especially children with special needs and have responsibility to change muslim people in our country. Therefore, Islamic Education teachers need to be equipped with knowledge in all fields, *rabbani* thought and good attitude to give their best service as *murabbi*.

Keywords: Children with Special Needs, Islamic Education Teacher, Murabbi

Article Progress
Received: 30 January 2021
Revised: 13 February 2021
Accepted: 27 February 2021

1. PENGENALAN

Pendidikan dalam Islam adalah pendidikan *rabbani* yang bermatlamat untuk mendidik dan membentuk insan yang sempurna dan mentaati syariat Allah SWT. Ini kerana Allah SWT telah menegaskan tujuan asal penciptaan manusia dalam surah Az-Zariyat ayat 56 yang bermaksud:

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada Ku.

(Abdullah Muhammad Basmeih, 2011)

Islam menitikberatkan pendidikan yang seimbang dan menyeluruh. Nor Asma, Mohd Isa dan Maimun Aqsha Lubis (2017) menyatakan Islam amat memberi penekanan kepada pendidikan yang menyeluruh dengan mengambil kira aspek pembangunan rohani dan akhlak seiring dengan pembangunan kebendaan.

Kanak-kanak berkeperluan khas tidak terkecuali merupakan sebahagian daripada insan yang perlu dibentuk menjadi manusia yang sempurna dan mentaati Allah SWT. Ini kerana mereka juga adalah makhluk yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT untuk memainkan peranan sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Sebagai hamba Allah SWT, manusia diperintahkan untuk melakukan ibadat sebagaimana yang disyariatkan-Nya. Nilai amal ibadat ini dijadikan pengukur sama ada seseorang hamba itu mulia atau hina di sisi Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 13 bermaksud:

Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan Nya (akan keadaan dan amalan kamu)

(Abdullah Muhammad Basmeih, 2011)

Oleh itu, guru-guru Pendidikan Islam memikul tugas dan amanah yang berat dalam mendidik dan membimbing kanak-kanak berkeperluan khas supaya dapat mengenal al-Quran dan melaksanakan ibadat dalam kehidupan seharian. Menurut Safani Bari et al. (2005), guru Pendidikan Islam berhadapan dengan cabaran yang hebat dan memerlukan kekuatan diri yang berbentuk semangat dan iltizam yang utuh dalam berhadapan dengan kanak-kanak berkeperluan khas kerana fizikal dan mental mereka berbeza daripada pelajar normal yang lain. Maka perhatian dan kesabaran yang tinggi perlu diberikan kepada mereka bagi memastikan mereka mampu berdikari dan menjalani kehidupan dengan baik.

Kanak-kanak berkeperluan khas adalah kanak-kanak yang mengalami masalah pembelajaran yang merujuk kepada pelbagai gangguan yang dimanifestasikan oleh kesusahan atau ketidakupayaan untuk menguasai kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis, menaakul serta kemahiran matematik (Mohd Zuri & Aznan, 2011). Guru Pendidikan Islam mesti menguasai kaedah pengajaran pelajar berkeperluan khas bagi memastikan objektif pembelajaran tercapai dan guru dapat merancang serta melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan baik dan teratur.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Namun realitinya, guru Pendidikan Islam khususnya yang mengajar kanak-kanak berkeperluan khas berdepan dengan cabaran dalam menguasai pedagogi Pendidikan Khas di samping menguasai ilmu Pendidikan Islam. Kajian yang telah dilakukan oleh Mohd Mokhtar dan Aliza (2003) mendapati bahawa hanya 30.4% guru mempunyai pengetahuan dalam strategi pengajaran Pendidikan Islam khusus kepada kanak-kanak berkeperluan khas. Hamdi Ishak et al. (2010) mengukuhkan lagi dengan menyatakan guru Pendidikan Islam yang tidak mendapat latihan khusus pedagogi pendidikan khas semasa latihan perguruan berhadapan dengan masalah apabila berhadapan dengan pelajar mereka. Menurut Fazurawati (2020), terdapat guru Pendidikan Islam yang hanya mengikuti kursus minor

Pendidikan Khas dan tidak tahu menggunakan bahasa isyarat ketika mula-mula mengajar kanak-kanak cacat pendengaran.

Umum mengetahui bahawa kanak-kanak berkeperluan khas adalah sangat “istimewa” kerana memberikan cabaran yang lebih besar kepada guru. Mereka sering hilang fokus semasa sesi pengajaran di dalam kelas ditambah dengan kesukaran bagi guru untuk melarang mereka daripada bertindak agresif disebabkan mereka tidak memahami apa yang disampaikan oleh guru. Oleh itu cabaran utama yang dihadapi oleh guru khususnya guru Pendidikan Islam adalah memupuk kepercayaan murid “istimewa” ini dan memastikan mereka memberikan sepenuh tumpuan kepada sesi pengajaran yang dikendalikan.

Lebih mendukacitakan apabila guru Pendidikan Islam merasakan kanak-kanak keperluan khas tidak memerlukan pendekatan pengajaran yang canggih dan terkini sebagaimana yang pernah dipelajari dalam latihan perguruan mereka memandangkan potensi dan pencapaian mereka adalah sangat rendah berbanding kanak-kanak normal yang lain. Umum mengetahui bahawa kaedah pengajaran yang canggih dan terkini ternyata sangat berkesan dalam penyampaian isi pengajaran (Ab. Halim, Muhammad Faiz & Kamarul Azmi, 2012; Norliza, Mohamad Sattar & Roseamnah, 2013; Siti Zulaidah, Mohamed Nor Azhari & Mai Shihah, 2017). Sewajarnya pendekatan yang dibawa kepada kanak-kanak berkeperluan khas adalah lebih canggih bagi memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran lebih menarik perhatian mereka dan berjaya mencapai objektif.

Kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh Kamaruzzaman, Khadijah dan Mohamed Amin (2003); Aiiri Abu Bakar (2003); dan Mohd Aderi (2009) menyokong kenyataan yang menyatakan guru Pendidikan tidak berinisiatif dan bersungguh-sungguh dengan membuktikan bahawa pencapaian kecemerlangan guru Pendidikan Islam masih belum mencapai tahap kecemerlangan. Persepsi negatif yang dilemparkan umum bahawasanya Pendidikan Islam gagal membentuk akhlak perlu ditangkis dengan membuktikan Pendidikan Islam berjaya dihayati bukan sahaja oleh manusia normal, malahan golongan tidak normal juga mampu menghayati Islam dalam kehidupan sekiranya mereka dididik mengenal Allah SWT dan menunaikan perintah Allah SWT. Justeru itu, guru Pendidikan Islam perlu memainkan peranan sebagai *murabbi* dalam membangunkan kecemerlangan diri dan memberi inspirasi serta motivasi kepada pelajar untuk membangunkan potensi diri mereka.

3. OBJEKTIF

- i. Untuk menjelaskan peranan guru Pendidikan Islam sebagai *murabbi*.

4. METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif di mana metod kajian perpustakaan diaplikasikan dalam pengumpulan data iaitu dengan merujuk kepada bahan-bahan penulisan seperti buku-buku ilmiah, bab dalam buku, dan artikel jurnal yang berkaitan dengan tajuk kajian. Perbincangan berkaitan topik ini dirasakan sangat penting kerana kanak-kanak berkeperluan khas juga merupakan insan yang berpotensi untuk memajukan diri dan mempunyai peluang pendidikan yang sama seperti pelajar normal. Cabaran pengajaran yang dihadapi dalam memberikan ilmu agama kepada mereka menjadikan guru Pendidikan Islam perlu memainkan peranan sebagai *murabbi* bukan sekadar tenaga pengajar biasa.

5. DAPATAN KAJIAN

Murabbi berasal daripada kata terbitan, *tarbiyyah* (pendidikan) yang melibatkan proses mendidik, memelihara dan membentuk pelajar sehingga wujud rasa kasih sayang dan saling percaya mempercayai antara mereka (Noraziah & Latipah, 2010; Zaharah, 2005). Nabil (2013) menyatakan *murabbi* juga secara amnya ditakrifkan sebagai seseorang yang berpengetahuan, bijak, alim, baik dan bertimbang rasa. Sebagai guru lebih-lebih lagi guru yang mendidik pelajar berkeperluan khas, sifat-

sifat *murabbi* perlu dibentuk kerana didikan yang berkesan ke atas anak-anak syurga ini memerlukan perasaan kasih sayang dan saling percaya mempercayai dalam perhubungan bagi memastikan proses pendidikan dapat dilakukan dengan baik dan berkesan.

Menurut Noorjihan dan Ab. Halim (2013), guru perlu menghayati peranan mereka sebagai *murabbi* kerana tanggungjawab guru bukan sekadar menyampaikan ilmu tetapi membimbing mereka menjadi generasi muslim yang holistik dan seimbang dari segi jasmani, rohani, intelek dan emosi. Dalam membimbing pelajar, seorang *murabbi* perlu melengkapkan diri dengan memiliki efikasi sendiri yang tinggi iaitu kepercayaan dan keyakinan diri yang memerlukan kepada matlamat yang jelas dalam mendidik, ilmu, kemahiran, motivasi, sahsiah terpuji di samping sifat ketahanan, kesungguhan, dinamik dan proaktif.

Dapatan kajian yang dilakukan Noorjihan dan Ab. Halim (2013) menunjukkan kualiti guru Pendidikan Islam di SMK berada pada tahap yang cemerlang dalam aspek penguasaan ilmu agama, pemikiran *rabbani*, kemahiran komunikasi, sahsiah, kemahiran psikologi dan budaya keilmuan. Namun guru Pendidikan Islam perlu meningkatkan kualiti dari aspek kemahiran pedagogi, sumbangan kemasyarakatan dan pengamalan agama. Guru Pendidikan Islam perlu lebih kreatif dalam strategi pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar kerana pelajar era informasi dan teknologi kini lebih suka dengan aktiviti pembelajaran aktif dan mencabar.

Pembelajaran aktif berpusatkan pelajar telah disahkan keberkesanannya oleh kajian-kajian sarjana pendidikan dalam pelbagai bidang (Noor Hisham, 2011; Nitce Isa Medina & Mai Shihah, 2013; Kamarul Azmi, 2013; Zulvia Trinova, 2013; Palmer, 2015). Strategi ini bukan meniadakan fungsi guru sebagai sumber utama dalam menyampaikan ilmu tetapi memantapkan lagi kaedah pengajaran dan pembelajaran guru. Oleh itu guru Pendidikan Islam perlu menguasai kaedah pengajaran yang berpusatkan pelajar dan bersedia menginovasikan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam agar dapat merealisasikan visi utama pendidikan negara dalam melahirkan pelajar yang berciri holistik.

Guru Pendidikan Islam sebagai *murabbi* memainkan peranan dan tanggungjawab yang besar dalam mendidik pelajar di sekolah dan turut memainkan peranan sebagai agen perubahan negara yang membentuk masyarakat. Menurut Salhah dan Ainon (2007), peranan dan tanggungjawab guru Pendidikan Islam sebagai *murabbi* lebih besar berbanding guru biasa kerana mereka merupakan mentor iaitu pembantu dan pembimbing. Bukan semua guru merupakan mentor kerana mentor memerlukan kesediaan melakukan lebih daripada tugas mengajar di sekolah. Realitinya, seorang guru Pendidikan Islam melalui pengalaman kerja yang pelbagai di sekolah iaitu sebagai guru di dalam kelas, tempat rujukan bagi pelajar yang bermasalah disiplin, rujukan para guru dalam permasalahan agama serta rujukan dalam komuniti masyarakat.

Maka guru Pendidikan Islam perlu menyiapkan diri dengan penguasaan ilmu dalam semua bidang, pemikiran dan sikap yang terpuji bagi meneruskan perkhidmatan yang cemerlang sebagai *murabbi*. Terdapat beberapa elemen efektif yang perlu dihayati oleh seorang guru dalam memainkan peranan sebagai *murabbi*. Lapan elemen yang telah digariskan oleh Noornajihan Jaafar et al. (2014) iaitu pemikiran *rabbani*, penguasaan ilmu dan pengamalan, personaliti positif, mendidik dengan hati, kemahiran mengajar, komunikasi efektif, motivasi sendiri dan pendidikan dan latihan lanjutan akan dikategorikan kepada tiga pecahan utama iaitu pemikiran *rabbani*, sikap guru, dan penguasaan ilmu dan kemahiran.

Menurut Maimun Aqsha Lubis dan Mohd Sofian Mat Ludin (2013), perkataan *rabbani* merupakan perkataan Arab daripada kata dasar *rabb* yang merujuk kepada Tuhan yang Maha Esa bagi menjelaskan tentang pengiktirafan manusia yang patuh, tunduk, akur dan taat hanya kepada Allah SWT. Majdi al-Hilali (2005) pula menyatakan insan *rabbani* merujuk kepada mereka yang dirinya dinisbahkan kepada Allah SWT dengan sebab mereka sangat hampir dengan Pencipta-Nya sehingga melahirkan perasaan takut untuk melakukan sesuatu yang bertentangan dengan perintah-

Nya. Maka jelas bahawa mereka yang mencapai tahap *rabbani* akan sentiasa patuh kepada perintah Allah SWT dan takut untuk melakukan segala larangan-Nya.

Seorang guru lebih-lebih lagi guru Pendidikan Islam perlu menentukan niat yang betul dalam melaksanakan tugas. Ini kerana niat akan menentukan tindakan yang akan dilakukan. Seorang guru yang digelar *murabbi* memiliki pemikiran *rabbani* iaitu pemikiran, sikap dan tindakan yang bersandarkan kepada Allah SWT. Dalam erti kata lain, Noornajihan dan Zetty Nurzuliana (2015) menyatakan seseorang yang dikatakan memiliki pemikiran *rabbani* adalah seseorang yang meletakkan redha Allah SWT dan Rasulullah SAW dalam proses mindanya yang bertindak sebagai alat kawalan kepada segala tindak tanduknya baik dari segi pertuturan mahupun tingkah lakunya.

Pemikiran *rabbani* amat penting kepada seseorang pendidik bagi mengukuhkan lagi ilmu yang disampaikan kepada pelajar. Ini kerana ilmu itu sendiri bersifat *rabbani* iaitu milik Allah SWT. Menurut Sidek Baba (2011), watak *rabbaniyah* yang dimiliki oleh Rasulullah SAW merupakan contoh didikan dan asuhan yang bersifat *rabbani* yang terbaik ditonjolkan oleh Allah SWT. Guru Pendidikan Islam terutamanya yang berhadapan dengan kanak-kanak berkeperluan khas ini perlu sentiasa memberi pendedahan kepada pelajar dan mempamerkan akhlak mulia Rasulullah yang sentiasa patuh kepada perintah Allah SWT, serta sangat pengasih dan penyabar dalam menghadapi cabaran kehidupan.

Untuk melahirkan guru yang berjiwa *rabbani*, sifat utama yang perlu ditanam dalam jiwa guru adalah ikhlas. Ikhlas merupakan sifat yang hanya mengharapkan keredaan Allah SWT dalam setiap perbuatan yang dilakukan. Menurut imam al-Ghazali (t.th.), pemikiran *rabbani* yang disemai akan menghasilkan sifat ikhlas dalam mengajar dengan niat semata-mata untuk mencari keredhaan Allah SWT serta *mentaqqarrubkan* diri kepada-Nya tanpa mengharapkan ganjaran, upah atau ucapan terima kasih. Sifat ikhlas sangat susah dibentuk kerana dunia hari ini lebih mengejar kepada kebendaan dan ganjaran material.

Guru perlu berusaha menghayati sifat ikhlas kerana dengan ikhlas sahaja dapat mendorong guru untuk menerapkan nilai *rabbani* dalam pengajarannya dan berjaya mewujudkan pembelajaran yang efektif serta dipenuhi dengan pengisian intelektual dan spiritual. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah Hud ayat 29 yang bermaksud:

Hai kaumku! Aku tidak meminta harta kepada kamu sebagai upahnya, upahku hanyalah dari Allah.

(Abdullah Muhammad Basmeih, 2011)

Seorang *murabbi* itu wajib menanamkan dan membetulkan niat pelajarnya belajar dan niatnya mengajar kerana Allah SWT. *Murabbi* hendaklah mengikut jejak langkah Rasulullah SAW dalam menunaikan tugas dan tanggungjawab. Menurut al-Ghazali (t.th.), *murabbi* adalah wakil dan pengganti Rasulullah SAW di dalam meneruskan usaha mendidik masyarakat.

Pendidik juga memerlukan sifat takwa untuk menjadi cemerlang. Menurut Ahmad Firdaus et al. (2013), sifat takwa kepada Allah SWT akan memacu kecemerlangan diri seorang. Apabila nilai takwa sudah dihayati dan disemat dalam hati, maka keperibadian dengan sesiapa sahaja sama ada dengan rakan sejawat, pelajar serta aspek penampilan diri akan cemerlang. Malah, dengan takwa akan lahir sifat-sifat lain seperti tidak mempersekutukan Allah SWT, taat kepada Allah SWT, takut kepada Allah SWT, memohon perlindungan daripada Allah SWT, memohon petunjuk daripada Allah SWT, cinta kepada Allah SWT, bertasbih dan memuji Allah SWT, sentiasa mengingati Allah SWT, mendirikan solat, menyegerakan solat, berserah kepada Allah SWT selepas berusaha, menafkahkan harta ke jalan Allah SWT, bersungguh-sungguh dalam beribadat, serta memohon pertolongan daripada Allah SWT.

Dalam menyempurnakan kewajiban mendidik kanak-kanak berkeperluan khas, guru Pendidikan Islam perlu menanamkan pendidikan tauhid dalam diri pelajarnya. Tugas ini amat mencabar, namun guru perlu bijak dan kreatif dalam mengaitkan semua unsur yang dekat dengan kehidupan mereka dengan hakikat ketuhanan atau konsep iman kepada Allah SWT. Menurut Abdullah Nasih Ulwan (1999), pendidik perlu melengkapkan anak sejak kecil dengan kefahaman yang berasal daripada pendidikan keimanan serta membiasakan mereka dengan asas-asas Islam meliputi akidah, ibadat dan segala dasar dan peraturan Islam yang berpandukan al-Quran dan al-Sunnah. Walaupun anak tersebut dilahirkan kurang sempurna, namun kewajiban menerapkan pendidikan keimanan masih menjadi keutamaan.

Tindakan guru mengaitkan kandungan pengajaran dan pembelajaran dengan kewujudan Allah SWT mampu melahirkan pelajar yang mengenali Tuhan dan menguruskan kehidupannya berpandukan keyakinan kepada keEsaan Allah SWT (Zawawi, Khadijah & S. Salahudin, 2011). Keyakinan dan kepercayaan inilah yang membezakan pelajar Islam dan bukan Islam. Walaupun pelajar terdiri daripada kanak-kanak tidak normal daripada segi fizikal dan mental, namun pendidikan iman ini akan menjadikan mereka lebih baik dan mampu menjadi contoh teladan kepada pelajar normal Islam yang lain dan keseluruhan pelajar bukan Islam.

Tanggungjawab yang dimainkan oleh guru Pendidikan Islam ini memerlukan kesinambungan dan bantuan daripada ibu bapa yang bertanggungjawab mendidik anak-anak di rumah. Ab. Halim (2013) menyatakan bahawa hasrat untuk melahirkan masyarakat yang kukuh dengan sifat kerohanian dan berakhlak perlu diasaskan dengan kefahaman dalam Islam yang sebenar. Ibu bapa berperanan untuk memastikan anak-anak mereka memperoleh asas-asas iman dari awal lagi seperti mengenal tuhan, nabi dan juga asas-asas Islam itu sendiri. Perkara ini bertepatan dengan hadis nabi daripada Abu Hurairah RA katanya: Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Tidak ada seorang anak pun yang dilahirkan, melainkan ia dilahirkan dalam keadaan suci bersih. Maka kedua ibu bapanya yang menjadikannya Yahudi atau Nasrani atau Majusi. Sama halnya sebagai seekor haiwan ternak, maka ia akan melahirkan ternak pula dengan sempurna, tiada kamu dapati kekurangannya.

(Sahih Bukhari, 2002: 0699)

Guru sebagai *murabbi* perlu memiliki personaliti yang positif, bersifat penyayang dan bermotivasi tinggi. Menurut ahli psikologi, personaliti merangkumi pemikiran, persepsi, nilai, sikap, watak, keupayaan, kepercayaan, kecerdasan, motivasi, kebiasaan dan sebagainya (Mohd Zuri et al., 2008). Personaliti mewakili perwatakan seseorang individu dan dapat diperhatikan dan dinilai melalui tingkah laku di dalam situasi pada sesuatu ketika. Bagi memastikan keberkesanan penyampaian ilmu pengetahuan, guru Pendidikan Islam perlu memiliki sifat-sifat keperibadian yang unggul, ketokohan dan perwatakan yang baik.

Menurut Ab. Halim, Muhamad Faiz dan Kamarul Azmi (2012), personaliti yang unggul membolehkan guru mempengaruhi pelajarnya ke arah kebaikan dan seterusnya menjadi pemimpin yang dihormati oleh pelajar dan masyarakat. Guru yang memiliki personaliti yang unggul juga mampu menarik perhatian pelajar untuk kekal fokus kepada isi pengajaran yang disampaikan guru. Personaliti positif bagi seorang guru bukanlah sesuatu yang mudah dibentuk. Penerapan empat elemen asas personaliti iaitu penguasaan ilmu pengetahuan, sahsiah positif, motivasi, dan kemahiran yang tinggi merupakan asas pembinaan personaliti guru Pendidikan Islam dalam program Pendidikan Khas.

Guru perlu berusaha dan bersungguh-sungguh membiasakan diri dengan personaliti unggul sehingga sikap tersebut sehati dalam diri yang akhirnya disenangi dan mudah diikuti oleh pelajar. Menurut Ahmad Firdaus, Kamarul Azmi dan Khairunnisa (2016) antara sikap terbaik bagi guru yang memiliki personaliti positif adalah bersikap sabar, tegas pada tempatnya dan adil kepada semua pelajar. Tiada unsur pilih kasih timbul dalam proses mencurahkan ilmu dan mendidik. Selain itu, guru

perlu percaya bahawa setiap pelajar memiliki potensi walaupun mereka serba kekurangan. Sikap positif ini akan menggalakkan guru berusaha sepenuh daya untuk memajukan pelajar dengan penuh kesabaran. Hal ini demikian kerana pembentukan tingkah laku yang baik adalah proses yang berterusan dan dipenuhi dengan kasih sayang serta diringi dengan ketegasan dan toleransi (Siti Atiyah et al., 2019).

Sikap guru memainkan peranan dalam mencorakkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif. Kajian yang telah dijalankan oleh Sawyer dan Rimm-Kaufman (2004) mendapati sikap guru memainkan peranan yang penting dalam menentukan keberkesanan pengajaran dan pencapaian pelajar. Sikap guru sangat berkait rapat dengan amalan dan tingkah laku guru semasa berada di bilik darjah. Maka guru Pendidikan Islam perlu memiliki ciri dan sifat yang baik bagi memudahkan mereka menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah SWT dalam mendidik anak-anak syurga ini.

Apabila seorang guru berjaya menonjolkan personaliti dan sikap yang positif, maka pelajar akan mudah mendampingi dan menyayangi guru tersebut. Sifat kasih sayang sangat penting untuk wujud dalam mendidik (Ab. Halim & Mohamad Khairul Azaman, 2010), lebih-lebih lagi apabila berhadapan dengan anak-anak istimewa. Menurut imam al-Ghazali (t.th.), sifat kasih sayang dan simpati yang ditunjukkan adalah menghadirkan hati untuk menyayangi pelajar sama seperti menyayangi anak sendiri. Sifat saling kasih mengasihi sangat dituntut dalam Islam sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 10 yang bermaksud:

Sesungguhnya orang-orang mukmin itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara kedua saudaramu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu mendapat rahmat.

(Abdullah Muhammad Basmeih, 2011)

Daripada Nukman bin Basyir RA katanya: Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Anda lihat orang-orang yang beriman itu dalam saling kasih-mengasihi, saling cinta-mencintai dan saling tolong-menolong seperti sebatang tubuh. Kalau ada salah satu anggota yang terkena penyakit, seluruh batang tubuh ikut menderita tidak dapat tidur dan menderita panas.

(Sahih Bukhari, 2002: 1701)

Peranan guru sebagai *murabbi* melibatkan proses mendidik, memelihara dan membentuk pelajar sehingga wujud rasa kasih sayang dan saling percaya mempercayai antara mereka. Oleh itu guru perlu bertindak sebagai ibu bapa kedua pelajar. Ini kerana menurut Ab. Halim, Muhamad Faiz dan Kamarul Azmi (2012), pelajar lebih banyak meluahkan masa bersama guru berbanding ibu bapa lebih-lebih lagi bagi pelajar yang tinggal di asrama. Realiti masa kini menunjukkan guru lebih mengenali pelajar berbanding ibu bapa mereka yang terlalu sibuk bekerja untuk kelangsungan hidup keluarga.

Guru perlu menunjukkan sifat mesra dengan pelajar bagi membolehkan guru membina hubungan baik dengan mereka. Menurut Mohd Khairuddin et al. (2014), hubungan baik antara guru dan pelajar akan menimbulkan perasaan sayang dan membantu mengurangkan masalah disiplin dalam kalangan pelajar. Masalah yang melibatkan kanak-kanak berkeperluan khas lebih mencabar untuk ditangani kerana mereka menghadapi masalah dalam menguruskan emosi sendiri. Sikap mudah marah, mengamuk dan memberontak yang dipamerkan perlu ditangani oleh guru dengan penuh sabar dan disulami dengan sifat kasih sayang yang tinggi.

Menurut Noor Aini dan Norhafizah (2015), hubungan yang positif antara guru dan pelajar penting bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dan membentuk tingkah laku positif dari aspek fizikal, mental, emosi dan sosial pelajar. Hubungan yang positif antara guru Pendidikan Islam dan kanak-kanak berkeperluan khas boleh dilakukan dengan sentuhan peribadi. Guru

Pendidikan Islam berhubung dengan pelajar secara profesional dan rapat bagi memahami masalah pelajar. Selain itu, guru juga boleh mendekati pelajar dengan turut serta makan bersama mereka di kantin, bersukan bersama di padang dan menziarahi pelajar yang sakit di rumah dan hospital. Keprihatinan yang ditunjukkan ini akan membentuk tingkah laku yang positif dalam diri pelajar.

Tambahan lagi, guru Pendidikan Islam memerlukan latihan yang berterusan dalam menguasai ilmu-ilmu pengajian Islam melalui perbincangan di peringkat sekolah mahupun daerah. Ini kerana kebanyakan guru Pendidikan Islam mempunyai latar belakang bidang pengkhususan pengajian yang berbeza semasa pengajian tinggi atau di universiti contohnya mempunyai pengkhususan dalam bidang Bahasa Arab, Syariah, Usuluddin, Dakwah, Tafsir, Tamadun Islam, Al-Quran dan sebagainya. Pengkhususan dalam satu bidang sahaja jelas menunjukkan guru Pendidikan Islam tersebut berkelebihan dalam satu bidang dan mempunyai kekurangan dalam bidang-bidang yang lain.

Selain itu, menurut Ab. Halim, Muhamad Faiz dan Kamarul Azmi (2012), guru Pendidikan Islam juga perlu mempunyai ilmu yang selari dengan keperluan semasa sesuai dengan kedudukan mereka sebagai *role model* kepada pelajar dan pakar rujuk atau agamawan dalam kalangan masyarakat. Guru Pendidikan Islam perlu turut bergaul dengan masyarakat dan memainkan peranan dalam membentuk masyarakat kerana mereka merupakan agen perubahan negara. Noorjihan dan Ab. Halim (2015) menjelaskan, perkara ini perlu direalisasikan melalui penglibatan guru Pendidikan Islam dalam aktiviti kemasyarakatan yang berkaitan mengikut bidang kepakaran masing-masing.

Kedudukan ibu bapa sebagai *role model* bagi anak-anak telah berubah dan beralih kepada guru. Masyarakat dan ibu bapa mutakhir ini banyak menyerahkan tugas mendidik anak kepada guru dan institusi sekolah (Ab. Halim & Mohamad Khairul Azman, 2010). Hal ini kerana, faktor ibu bapa yang sibuk dengan tugas harian di rumah atau di tempat kerja sehingga perkembangan diri anak tersebut dan proses didikan yang sepatutnya bermula dari rumah terabai. Kesan daripada ini, peranan guru untuk mendidik dan membimbing pelajar bagi melahirkan individu yang berakhlak mulia semakin mencabar kerana guru kini tidak hanya sekadar menyampaikan ilmu di dalam kelas sahaja tetapi skop peranan guru berkembang lebih luas sebagai *murabbi*.

Menurut Qumruin Nurul Laila (2015), teori Albert Bandura menerangkan guru berperanan sebagai model atau contoh kepada pelajarnya. Sebagai model, apa sahaja tingkah laku atau perbuatan yang ditunjukkan oleh guru akan menjadi ikutan pelajar sama ada tingkah laku positif mahupun tingkah laku negatif. Ini kerana tingkah laku yang ditunjukkan oleh guru mempengaruhi pengamalan tingkah laku pelajar kerana mereka melihat contoh daripada guru (Syafiqah Solehah & Tengku Sarina Aini, 2020). Maka, peranan guru adalah sentiasa memberikan contoh terbaik kepada pelajar kerana mereka adalah agen perubahan dan pembangunan modal insan (Rosnijah & A'dawiyah, 2019).

Guru Pendidikan Islam di Sekolah Pendidikan Khas berhadapan dengan cabaran yang lebih hebat kerana mereka berhadapan dengan kanak-kanak yang tidak normal serta mempunyai pelbagai kerenah dan keperluan. Menurut Mohd Zuri dan Aznan (2011), pengajaran bagi kanak-kanak keperluan khas perlu dibahagikan kepada beberapa bahagian yang kecil (analisis tugas) supaya proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan baik dan berkesan. Untuk mencapai keupayaan pembelajaran yang optimum, idea dan kebolehan yang kompleks perlu dibina dengan mudah kepada mereka. Selain itu guru juga perlu memastikan mereka sentiasa berasa selamat dan selesa dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Junaidah dan Nik Rosila (2013), hanya ilmu pengetahuan, kemahiran, kefahaman dan kebolehan yang mencukupi dapat mengatasi cabaran tersebut. Guru perlu belajar meneroka ilmu sedalam-dalamnya dan mengemas kini pengetahuan agar lebih terkehadapan daripada anak muridnya. Peningkatan pengetahuan dan pengalaman amat perlu bagi menjadikan pengajaran lebih berkesan. Menurut Norakyairee et al. (2013), peranan guru Pendidikan Islam dalam arus Pendidikan Khas tidak dilihat sekadar pelengkap lompuangan kurikulum sedia ada, bahkan peranan mereka sangat signifikan dalam konteks indahnya hidup beragama. Maka segala ilmu yang dipelajari oleh guru Pendidikan

Islam terutamanya berkaitan ilmu pedagogi pendidikan perlu dipraktikkan bagi memastikan objektif pembelajaran tercapai.

Menurut Ab. Halim, Muhamad Faiz dan Kamarul Azmi (2012), kemahiran mengajar atau pengetahuan pedagogi merujuk kepada bagaimana guru menentukan pengajaran di dalam kelas sesuai dengan kandungan mata pelajaran yang meliputi elemen pendekatan, strategi, teknik, pengurusan bilik darjah, interaksi guru dan kesesuaian bahan bantu mengajar yang digunakan. Bagi memastikan proses pengajaran lebih menarik dan berkesan, guru Pendidikan Khas perlu berpengetahuan dan mahir dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran (Siti Muhibah & Zetty Nurzuliana, 2018). Pengetahuan pedagogi perlu seiring dengan kemahiran terkini dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), kemahiran penyelidikan, kemahiran penulisan dan pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran.

Asas teori pembelajaran yang dipelajari semasa latihan perguruan perlu disesuaikan dengan kanak-kanak berkeperluan khas. Ini bermakna ilmu tersebut juga sangat berguna kepada kanak-kanak yang mengalami masalah pembelajaran. Menurut Mohd Zuri dan Aznan (2011), teori pembelajaran bertujuan untuk mengajar kanak-kanak yang bermasalah pembelajaran untuk membantu mereka belajar dan mengurangkan masalah yang dihadapi oleh mereka supaya mereka dapat hidup berdikari pada masa hadapan. Segala jenis teori pembelajaran yang dipelajari iaitu teori perkembangan kognitif, teori behaviorisme, teori sosialis dan teori humanisme perlu diaplikasikan bersesuaian dengan tahap keupayaan kanak-kanak berkeperluan khas.

Guru yang banyak didedahkan dengan latihan profesional khususnya ilmu pedagogi pendidikan dapat menghasilkan pelajar yang berprestasi baik. Terdapat banyak kajian yang telah membuktikan perkaitan ini. Contohnya dapatan kajian yang menyatakan latihan menjadikan para guru menguasai kurikulum yang diajar dengan lebih mendalam dan menjadikan guru lebih mahir ilmu pedagogi pendidikan (Brown, Smith & Stein, 1995; Wiley & Yoon, 1995; Cohen & Hill, 1997. Ilmu yang diperoleh dapat membantu guru-guru membuat keputusan dan bertindak mengatasi emosi dan perasaan di samping dapat mengurus tekanan yang dihadapi semasa berhadapan dengan pelajar yang bermasalah.

6. KESIMPULAN

Guru merupakan *qudwah hasanah* atau *role model* terbaik patut mengamalkan kesemua pendekatan akhlak Islamiah kerana pelajar melihat, mendengar, mengambilnya sebagai contoh tauladan seterusnya mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Menurut Sofiah et al. (2016), pelajar sentiasa memerlukan bimbingan dan panduan perlu dididik dengan pendekatan penuh kasih sayang dan simpati, ikhlas, nasihat, pengajaran bertahap, mencegah kesilapan secara berhikmah dan beramal dengan ilmu. Pendekatan akhlak Islamiah yang diamalkan oleh guru sebagai *murabbi* di dalam bilik darjah merupakan satu perkara penting untuk pelajar contohi dan amalkan dalam kehidupan seharian.

Proses pembentukan akhlak pelajar memerlukan bimbingan dan panduan dengan pendekatan penuh kasih sayang, simpati, ikhlas dan tanpa kesilapan dengan berhikmah. Lebih-lebih lagi apabila melibatkan kanak-kanak yang berkeperluan khas yang menuntut perhatian dan kesabaran yang maha hebat daripada guru khususnya guru Pendidikan Islam. Kesemua pendekatan teori ini perlu diamalkan oleh guru sewaktu mengajar di sekolah. Kesungguhan dan komitmen yang diberikan dengan ikhlas oleh para *murabbi* akan dibalas dengan akhlak mulia yang dipamerkan pelajar.

Amanah yang dipertanggungjawabkan kepada guru wajar diterima dengan rela bagi merealisasikan pembentukan generasi berakhlak mulia. Guru perlu menghayati peranan sebenar seorang pendidik seperti yang dikehendaki oleh Allah SWT dan Rasulullah SAW. Penghayatan dan pengamalan peranan tersebut diharapkan dapat membantu para guru berperanan sebagai *murabbi* dalam mendidik akhlak pelajar Pendidikan Khas di samping memartabatkan profesion keguruan mereka di mata masyarakat. Walau apa pun cabaran dan halangan yang dihadapi dalam mendidik dan

menerapkan Islam kepada anak-anak istimewa ini, guru Pendidikan Islam selaku *murabbi* tidak boleh mengalah dan mesti terus berusaha sehingga berjaya.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. (2010). Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43-56.
- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Komponen asas untuk latihan guru Pendidikan Islam. *Global Journal Al-Thaqafah (GJAT)*, 2(2), 53-63.
- Ab. Halim Tamuri. (2013). Faqihan: paksi membina remaja iman. *Jurnal Keputeraan Jilid 2, 2013*, 11-48.
- Abdullah Muhammad Basmeih. (2011). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Quran*. Selangor: Darul Fikir.
- Abdullah Nasih Ulwan. (1999). *Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam*. Jil. 1. Terj. Syed Ahmad Semait. Ulang cetak. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi & Khairunnisa A Shukor. (2013). Kecemerlangan pensyarah Pendidikan Islam Politeknik berdasarkan kriteria keperibadian perspektif sarjana Islam. *Dlm. Prosiding Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam (SePPIM'13)*, hlm. 532-546.
- Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi & Khairunnisa A Shukor. (2016). Pembinaan hubungan di antara guru dengan pelajar. *Jurnal Teknikal dan Sains Sosial*, 138-148.
- Aiiri Abu Bakar. (2003). Sikap Pelajar Terhadap Mata pelajaran Pendidikan Islam: Satu Kajian di Sekolah-Sekolah Menengah di Alor Gajah Melaka. Projek Penyelidikan Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (2002). *al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min 'Umur Rasulillah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi*, ditahqiqkan oleh Muhammad Zuhayr bin Nasir al-Nasir, Beirut: Dar Tuq al-Najah.
- Al-Ghazali. t.th. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Beirut: Darul Ma'rifah.
- Brown, C.A., Smith, M.S. & Stein, M.K. (1995). Linking teacher support to enhanced classroom instruction. *Paper presented at the Annual Meeting of the American Educational Research Association*. New York.
- Cohen, D.K. & Hill, H. (1997). Instructional policy and classroom performance: the mathematics reform in California. *Paper presented at the Annual Meeting of the American Educational Research Association*. Chicago, IL.
- Fazurawati Che Lah. (2020). *Cabaran Berganda Pendidikan Khas*. Retrieved April 9, 2021, from <https://www.hmetro.com.my/akademia/2020/05/574298/cabaran-berganda-pendidikan-khas>
- Hamdi Ishak et al. (2010). Amalan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam kepada murid Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Masalah Pendengaran: satu kajian kes. *Dlm. Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah UKM*. Bangi : Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Junaidah Mohamad & Nik Rosila Nik Yaacob. (2013). Kajian tentang kepuasan bekerja dalam kalangan guru-guru Pendidikan Khas. *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 28, 103-115.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2013). Pembelajaran aktif dalam Pendidikan Islam: pengamalan guru cemerlang Pendidikan Islam. Kertas Kerja Seminar Pemerkasaan Pengajaran Agama Islam Di Malaysia: Menilai Cabaran Semasa Guru Pendidikan Islam. Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia. Dewan Besar Institut Kefahaman Islam Malaysia, 24-25 September.
- Kamaruzzaman Abdul Ghani, Khadijah Abdul Razak dan Mohamed Amin Embi. (2003). Tahap amalan guru-guru Pendidikan Islam dan Bahasa Arab: Satu kajian di Sekolah-Sekolah Menengah Agama di Kelantan. *Dlm. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 2*. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maimun Aqsha Lubis & Mohd Sofian Mat Ludin. (2013). Masjid sebagai pusat pembangunan sahsiah dan peradaban remaja rabbani. *Dlm. Maimun Aqsha Lubis (Pnyt.). Peradaban Islam & Tamadun Dunia*. Bangi : Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Majdi al-Hilali. (2005). *Peribadi yang Dicintai Allah: Menjadi Hamba Rabbani*. Terj. A. Ikhwan. Jakarta : Maghfirah Pustaka.
- Mohd Aderi Che Noh. (2009). Persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran tilawah al-Quran. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1), 93-109.
- Mohd Khairuddin Abdullah et al. (2014). Komunikasi guru dalam bilik darjah dan tingkah laku delinkuen murid sekolah menengah. *Jurnal Pemikir Pendidikan* 5, 59-77.
- Mohd Mokhtar Tahar & Aliza Alias. (2003). Isu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam pelajar berkeperluan khas. *Dlm. Prosiding Wacana Pendidikan Islam: Perkaedahan Pengajaran Pendidikan Islam: Antara Tradisi dan Inovasi*. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Zuri Ghani & Aznan Che Ahmad. (2011). *Kaedah dan Strategi Pengajaran Kanak-Kanak Berkeperluan Khas*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Zuri Ghani, Rahimi Che Aman, Nik Rosila Nik Yaacob & Aznan Che Ahmad. (2008). Perbezaan personaliti ekstrovert dan introvert dalam kalangan pelajar Pintar Cerdas Akademik (PCA) berdasarkan gender. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan* 23, 111-122.
- Nabil Amir. (2013). The role of al-murabbi in society: some religious viewpoints. *Dlm. Prosiding Seminar Kebangsaan Kali Ke-4 Majlis Dekan Pendidikan IPTA*, hlm. 287-292.
- Nitce Isa Medina Machmudi Isa & Mai Shihah Hj Abdullah. (2013). Pembelajaran berasaskan projek: takrifan, teori dan perbandingannya dengan pembelajaran berasaskan masalah. *CREAM - Current Research in Malaysia* 2(1), 181-194.
- Noor Aini Ahmad & Norhafizah Abu Hanifah. (2015). Tahap pengetahuan guru Pendidikan Khas apabila mengurus tingkah laku murid bermasalah pembelajaran. *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 30, 73-88.
- Noor Hisham Md Nawi. (2011). Pengajaran dan pembelajaran: penelitian semula konsep konsep asas menurut perspektif gagasan islamisasi ilmu moden. Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM. Hotel Vistana Pulau Pinang, 18-20 Disember.
- Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri. (2013). Hubungan antara efikasi sendiri dengan kualiti guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 5(1), 41-60.

- Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri. (2015). Perbezaan kualiti guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan berdasarkan jantina, lokasi sekolah dan kekerapan menyertai latihan dalam perkhidmatan. *The Online Journal of Islamic Education* 3(2), 1-13.
- Noornajihan Jaafar & Zetty Nurzuliana Rashed. (2015). Model kualiti guru Pendidikan Islam sebagai murabbi menurut sarjana Islam. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 1(1), 101-108.
- Noornajihan Jaafar et al. (2014). Quran Education for Special Children: Teachers as Murabbi. *Creative Education* 5, 435-444.
- Nor Asma, Mohd Isa & Maimun Aqsha Lubis. (2017). Konsep islamisasi ilmu dan penerapan pendidikan. Dlm. Maimun Aqsha Lubis, Mohd Fuad Othman & Hidayat Shafie (pnyt.). *Intergrasi Ilmu Keunggulan Pendidikan Islam*, hlm. 44-58. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norakyairee Mohd Raus et al. (2013). Pengajaran al-Quran Braille: isu dan cabaran semasa. *International Journal on Quranic Research (IJQR)* 3(4), 79-94.
- Noraziah Mhd Yusop & Latipah Sidek. (2010). Pendidikan alam sekitar dalam Pendidikan Islam: peranan guru. In *Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education*, 839-851.
- Norliza Hussin, Mohamad Sattar Rasul & Roseannah Abd. Rauf. (2013). Penggunaan laman web sebagai transformasi dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *Online Journal of Islamic Education* 1(2), 58-73.
- Palmer, T. (2015). *15 Characteristics of a 21st-Century Teacher*. Edutopia. Retrieved January 30, 2020, from <https://www.edutopia.org/discussion/15-characteristics-21st-century-teacher>
- Qumruin Nurul Laila. (2015). Pemikiran Pendidikan Moral Albert Bandura. *MODELING: Jurnal Program Studi PGMI* 3, 22-36.
- Rosnijah & A'dawiyah Ismail. (2019). Peranan Guru Pendidikan Islam Membentuk Akhlak Pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kunak Sabah. *Al-Hikmah* 11(1), 74-87.
- Safari Bari et al. (2005). Kaedah komunikasi seluruh dan pencapaian murid-murid bermasalah pendengaran dalam peperiksaan. Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan UKM.
- Salhah Abdullah & Ainon Mohd. (2007). *Mentor Efektif*. Batu Caves: PTS Profesional.
- Sawyer, B.E. & Rimm-Kaufman, S.E. (2004). Primary-grade teachers' self efficacy beliefs, attitudes towards teaching and discipline and teaching practice priorities in relation to the responsive classroom approach. *The Elementary School Journal* 104(4), 321-341.
- Sidek Baba. (2011). *Tajdid Ilmu Dan Pendidikan*. Selangor: Gemilang Press Sdn. Bhd.
- Siti Atiyah Ali et al. (2019). Psikologi Pembangunan Kanak-Kanak: Perkaitan Antara Psikologi Pendidikan Barat dan Psikologi Pendidikan Islam. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)* 4(1), 14-23.
- Siti Muhibah & Zetty Nurzuliana. (2018). Peranan dan Cabaran Guru-Guru Pendidikan Khas Membentuk Kemenjadian Murid-Murid Masalah Pendengaran Dalam Abad Ke 21. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 2(1).
- Siti Zulaidah Salsidu, Mohamed Nor Azhari Azman & Mai Shihah Abdullah. (2017). Tren pembelajaran menggunakan multimedia interaktif dalam bidang pendidikan teknikal: satu sorotan literatur. *Sains Humanika* 9(1-5), 135-141.

- Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi & Muhammad Azhar Zailaini. (2016). Akhlak guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *Akademika* 86(2), 31-42.
- Syafiqah Solehah & Tengku Sarina Aini. (2020). Pengamalan Akhlak Guru Pendidikan Islam Mempengaruhi Pengamalan Akhlak Pelajar: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Marang Terengganu. *Jurnal Dunia Pendidikan* 2(3), 254-266.
- Wiley, D. & Yoon, B. (1995). Teacher reports of opportunity to learn: analyses of the 1993 California Learning Assessment System. *Educational Evaluation and Policy Analysis* 17 (3), 355- 370.
- Zaharah Hussin. (2005). Mendidik generasi berakhlak mulia: fokus peranan guru Pendidikan Islam. *Masalah Pendidikan*: 79-94.
- Zawawi Temyati, Khadijah Abdul Razak & S. Salahudin Suyurno. (2011). Falsafah Pendidikan Islam melahirkan insan berakhlak. *Prosiding Seminar Antarabangsa dalam Pendidikan Islam Siri Ke-2*, hlm. 831-842.
- Zulvia Trinova. (2013). Pembelajaran berbasis Student-Centered Learning pada materi Pendidikan Islam *Jurnal Al-Ta'lim* 1(4), 324-335.